

PM kepada parti Sabah

Henti guna

11 JUN 1990

isu anti-KL

(P)

Oleh JAILANI HARUN

KUALA LUMPUR, Ahad —. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengingatkan semua parti politik di Sabah supaya berhenti memainkan isu anti-Kerajaan Persekutuan dalam kempen pilihanraya negeri itu.

Katanya, perbuatan itu dikhuatiri akan menimbulkan perasaan saling mencurigai di antara penduduk Semenanjung dan Sabah.

"Ia bukanlah satu perbuatan yang sihat. Jika ia diteruskan, kita khuatir rakyat akan berpecah belah dan timbul perasaan buruk sangka di antara penduduk Semenanjung dan Sabah.

"Ini tidak baik untuk perpaduan dan tidak menguntungkan seslapa," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) menjelang sidang Parlimen, di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, pihak yang menggunakan isu anti-Persekutuan harus menilai sendiri pembangunan yang dikecap oleh rakyat Sabah, berbanding negara lain di Semenanjung.

"Mereka tidak boleh berkata bahawa Kerajaan Persekutuan tidak memberi pembangunan yang cukup kepada Sabah. Jika mereka membandingkan pembangunan negeri itu dengan Kelantan dan Terengganu, mereka lebih beruntung," katanya.

Baru-baru ini, Presiden Berjaya yang juga bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh, mendakwa Kerajaan Persekutuan tidak menaikan janjinya untuk membangunkan Sabah.

Beberapa pihak juga menuduh kerajaan gagal menyelesaikan masalah kira-kira 500,000 pendatang asing di Sabah serta royalti minyak dan menjadinya isu kempen mereka menjelang pilihanraya negeri, bulan depan.

Sementara itu, menjawab soalan mengenai rancangan Presiden Parti Rakyat Sabah (PRS), Datuk Dr James Ongkili, untuk mengadakan pakatan dengan Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah, beliau berkata:

"Itu hak mereka. Kita bebas membuat keputusan dan menentukan pendirian, tetapi yang penting ialah rakyat akan menentukan nasib mereka.

"Kalau rakyat tidak hendak memilih orang yang tidak ada pendirian tetap, yang melompat sana, melompat sini macam katak dan belalang, mereka boleh pilih.

"Tetapi rakyat tidak boleh marah kalau pilihan mereka itu kelak akan mewujudkan sebuah kerajaan yang tidak tentu arah macam mentaliti belalang. Itu sudah tentu akan menyusahkan mereka sendiri," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, rakyat mestilah mempertahankan kerajaan yang berpendirian tegas.

Sejak merdeka, kerajaan berjaya membangunkan negara ini sehingga diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa sebagai negara yang paling maju di kalangan negara membangun.

"Keharmonian antara kaum, walaupun tidak tercapai seratus peratus, sekurang-kurangnya negara kita tidak ada rusuhan kaum seperti negara lain," katanya.

Mengenai pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Kijal (Terengganu) dan Kuala Linggi (Melaka), Datuk Seri Dr Mahathir yakin calon BN akan memenangi kedua-dua kawasan.